

27 JUN 2002

Khalil-Pemilihan

MT UMNO BELUM PUTUSKAN SAMA ADA PEMILIHAN 2003 DITANGGUH

IPOH, 27 Jun (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno (MT) belum membuat keputusan sama ada hendak meneruskan pemilihan parti tahun depan atau menangguhkannya sehingga pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agungnya Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada membuat kenyataan sebelum perhimpunan agung Umno yang lepas meminta perwakilan menyuarakan pendapat sama ada pemilihan tahun 2003 perlu diteruskan atau tidak.

"Oleh kerana tiada perwakilan yang menyuarakan tentang ini, kita mesti berdepan dengan hakikat keputusan perlu dibuat. MT akan membuat tindakan sewajarnya untuk memandu bahagian-bahagian tentang apa patut dibuat," katanya.

Khalil sebelum itu mengetuai delegasi ke mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan, yang bermula hari ini, untuk mengunjungi Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di pejabatnya.

Khalil berkata setakat ini MT belum membincangkan soal pemilihan itu secara rasmi walaupun ada cadangan supaya ia ditangguhkan bagi membolehkan parti memberi tumpuan penuh kepada pilihan raya umum akan datang.

Pindaan perlembagaan Umno membolehkan pemilihan tiga tahun sekali bagi jawatan-jawatan tertinggi parti seperti presiden, timbalan presiden, naib presiden, ketua pemuda dan ketua wanita dan anggota MT itu ditangguh sehingga 18 bulan.

Khalil berkata, Umno mempunyai hirarkinya yang mampu menguruskan hal ehwal parti dan Jawatankuasa Pengurusan mempunyai pendekatan menjalankan tugas dengan berkesan jika pemilihan itu ditangguhkan.

Tajol Rosli pula berkata, Badan Perhubungan Umno negeri dan peringkat akar umbi rata-ratanya berpendapat pemilihan itu harus ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum.

"Pemilihan parti mungkin mengakibatkan pergolakan dan akibatnya parti mungkin berpecah. Yang penting ialah menang pilihan raya umum dan bukannya pemilihan parti," kata beliau.

-- BERNAMA

AR NMO